

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Sistem PADU lalui tempoh percubaan November depan



Rafizi menjadi tetamu Buletin Bernama terbitan Bernama TV di Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Sistem PADU lalui tempoh percubaan November depan

Keseluruhan data rakyat Malaysia dapat dikumpul pada Januari 2024

Kuala Lumpur: Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dijangka melalui tempoh percubaan mulai November ini sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024 untuk kegunaan pengesahan maklumat peribadi.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata setakat ini, proses pembangunan sistem PADU yang menggabungkan maklumat sosioekonomi bagi setiap isi rumah rakyat Malaysia berjalan lancar mengikut garis masa dirancang.

"Garis masa PADU dari segi kerangka, use case, interface dan functionality dijangka siap menjelang Oktober ini sebelum diuji pada November hingga Disember dengan data sekumpulan rakyat Malaysia didaftarkan dahulu.

"Insya-Allah kalau semua berjalan baik, maka PADU akan siap untuk memegang (mengumpul) keseluruhan data rakyat Malaysia pada Januari 2024," katanya selepas menjadi tetamu program *Buletin Bernama* terbitan *Bernama TV* di sini, kelmarin.

Pada 15 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju menubuhkan PADU untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah di negara ini bagi memperkemas pelaksanaan subsidi bersasar.

Pelaksanaan PADU diputuskan pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang akan menggabungkan sebanyak mungkin maklumat sosioekonomi bagi setiap isi rumah yang dapat membantu kerajaan mengubal dasar dan menyasarkan subsidi.

Rangkum 270 pangkalan data

Menerusi PADU juga kerajaan dapat mengenal pasti ketirisan yang wujud sekali gus menambah baik pelaksanaan sistem subsidi kepada golongan sasaran.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata data sistem PADU yang sedang dibangunkan akan merangkumi 270 pangkalan data daripada ke-

menterian dan agensi kerajaan persekutuan serta kerajaan negeri dan badan berkanun melalui perjanjian perkongsian data sedia ada.

Bellu berkata, apabila Akta Omnibus diluluskan di Parlimen nanti, ia akan mengambil alih tata kelola perkongsian data sistem berkenaan dan menggantikan perjanjian itu.

Katanya, Akta Omnibus yang akan dibentangkan di Parlimen pada Jun tahun hadapan antara lain bertujuan memastikan keselamatan perkongsian data serta memudahkan proses perkongsian data dan menjamin PADU sebagai pangkalan data berterusan.

BERNAMA

Ibadat & Faidat

Abu Sa'id al-Khudri RA dan Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kekusaran serta kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan dari yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahannya." (HR Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:02	1:18	4:21	7:22	8:32
Alor Setar	6:02	1:18	4:20	7:22	8:31
P. Pinang	6:02	1:18	4:19	7:22	8:31
Ipoh	6:00	1:16	4:15	7:19	8:28
Kuala Lumpur	5:58	1:13	4:15	7:16	8:25
Shah Alam	5:58	1:13	4:15	7:16	8:25
Johor Bahru	5:50	1:05	4:09	7:07	8:16
Kuantan	5:53	1:08	4:10	7:10	8:19
Seremban	5:57	1:12	4:14	7:15	8:24
Bandar Melaka	5:56	1:10	4:14	7:13	8:22
Kota Bharu	5:55	1:10	4:13	7:15	8:20
K. Terengganu	5:51	1:07	4:07	7:10	8:20
Kota Kinabalu	5:01	12:16	3:17	6:20	7:29
Kuching	5:25	12:39	3:44	6:42	7:51